



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 1C PT 19 / (36)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

01 April 2019

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN (PINDAAN)
2019**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada yang tersebut di atas.

Merujuk kepada surat Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah, Malaysia (LJT) Bil.1 Tahun 2019, Kerajaan telah mewartakan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2019 pada 05 Mac 2019. Peraturan ini akan mula dikuatkuasa pada 01 Mei 2019. Sehubungan dengan itu beberapa perkara perlu diambil perhatian sebelum perlaksanaannya iaitu:

1- Penguatkuasaan Skala Fi Ukur Baharu Pada 1 Mei 2019

- 1.1. Salah satu pindaan dalam Peraturan tersebut adalah **Penggantian Jadual Ketiga Belas** berkaitan skala fi ukur. Skala fi ukur baharu ini hanya akan terpakai mulai tarikh peraturan ini dikuatkuasakan iaitu pada 01 Mei 2019. Skala fi ukur baharu ini akan terpakai bagi borang-borang yang diterima mulai 01 Mei 2019 bagi pendaftaran kerja berikut:

- i- Pendaftaran kerja ukur baharu;
- ii- Pendaftaran kerja-kerja dalam pindaan layout; dan
- iii- Pendaftaran kerja-kerja baharu dan pindaan layout berstatus “QUERY”.

2- Tarikh akhir penghantaran borang-borang LJT700/710/800/810 dan bayaran fi ukur menggunakan skala fi semasa pada 26 April 2019.

- 2.1. Lembaga ingin memaklumkan bahawa **tarikh akhir** penghantaran borang-borang LJT700/710/800/810 dan bayaran fi ukur untuk pendaftaran kerja menggunakan skala fi semasa adalah pada **26 April 2019 (Jumaat)**. Ini bagi memastikan pihak Lembaga berupaya memproses borang-borang dan mendaftarkan kerja-kerja tersebut sebelum penguatkuasaan skala fi ukur baharu pada 01 Mei 2019.
- 2.2. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan borang-borang LJT700/710/800/810 yang akan dihantar kepada LJT, pihak tuan dikehendaki menghubungi pegawai-pegawai di Seksyen Operasi LJT.

3- Penutupan sistem ELJT pada 27 April hingga 30 April 2019 untuk kerja penyelenggaraan sistem.

- 3.1. Sistem ELJT akan ditutup mulai pukul **12am pada 27 April 2019 sehingga 11.59pm pada 30 April 2019** untuk kerja-kerja penyelenggaraan sistem dan kemaskini skala fi ukur baharu di dalam sistem ELJT.
- 3.2. Sistem ELJT akan dibuka semula mulai 01 Mei 2019 selaras dengan perlaksanaan skala fi ukur baharu.

4- Borang-borang LJT700/800 dan LJT710/810(*change layout*) berstatus “DATA ENTRY” sebelum 01 Mei 2019.

- 4.1. Borang-borang LJT700/800 dan LJT710/810(*change layout*) berstatus “DATA ENTRY” yang menggunakan kiraan skala fi ukur semasa sebelum 01 Mei 2019 tidak akan dihapuskan.
- 4.2. Borang-borang LJT700/710/800/810 tersebut yang tidak diterima sebelum sistem ELJT ditutup pada 27 April 2019, **akan secara automatik dikategori sebagai “REJECTED” pada 01 Mei 2019.** Pihak JTB dikehendaki mengisi semula borang-borang baharu menggunakan kiraan skala fi ukur baharu yang berkuatkuasa pada 01 Mei 2019.

5- Borang-borang LJT700/800 dan LJT710/810(*change layout*) berstatus “QUERY” sebelum 01 Mei 2019.

- 5.1. Borang-borang LJT700/800 dan LJT710/810(*change layout*) berstatus “QUERY” yang menggunakan kiraan skala fi ukur semasa dan tidak dikembalikan kepada LJT sebelum sistem ELJT ditutup pada 27 April 2019, **akan secara automatik dikategori sebagai “REJECTED” pada 01 Mei 2019.** Pihak JTB dikehendaki mengisi semula borang-borang baharu menggunakan kiraan skala fi ukur baharu yang berkuatkuasa pada 01 Mei 2019.

6- Terimaan deposit fi ukur di akaun virtual LJT di CIMB pada skala fi semasa.

- 6.1. Lembaga telah mengeluarkan surat makluman kepada JTB berkaitan terimaan deposit fi ukur di akaun virtual LJT di CIMB dan kerja ukur masih belum didaftarkan di LJT sehingga 28 Februari 2019. Termasuk didalam surat makluman tersebut adalah senarai terimaan deposit fi ukur dari 1 Mac 2019 hingga 17 Mac 2019 sebagai makluman juruukur.
- 6.2. Bagi terimaan deposit fi ukur yang diterima di akaun virtual LJT di CIMB selepas 17 Mac 2019, Lembaga akan menghantar senarai **melalui email** kepada juruukur yang terlibat dari masa ke semasa menggunakan alamat email yang didaftarkan di sistem ELJT.
- 6.3. Sehubungan itu pihak JTB hendaklah menyemak email berkaitan makluman senarai terimaan deposit tersebut dari masa ke semasa untuk penghantaran borang-borang kerja ukur sebelum tarikh akhir 26 April 2019.
- 6.4. Kegagalan menghantar borang LJT yang teratur bagi transaksi yang telah diterima sebelum tarikh akhir 26 April 2019 akan menyukarkan proses semakan dan kelulusan kerana perbezaan deposit yang diterima (mengikut kadar fi ukur semasa) dengan skala fi ukur baharu yang akan berkuatkuasa pada 01 Mei 2019 di dalam sistem E-LJT.
- 6.5. Pihak Lembaga tidak bertanggungjawab atas sebarang perbezaan antara deposit fi ukur yang telah diterima ini (menggunakan kadar fi ukur semasa) dengan skala fi ukur baharu jika borang yang teratur diterima selepas 01 Mei 2019.

6.6. Pihak Juruukur atau klien juruukur adalah bertanggungjawab untuk membuat tambahan deposit supaya amaun fi ukur selari dengan skala fi ukur yang berkuatkuasa mulai 01 Mei 2019.

7- Pengembalian terimaan deposit fi ukur pada skala fi semasa kepada pendeposit.

7.1. Pihak juruukur dikehendaki memaklumkan kepada Lembaga sekiranya terimaan deposit fi ukur pada skala fi semasa hendak dikembalikan kepada klien kerana kerja tersebut tidak dapat didaftarkan sebelum 01 Mei 2019. Pihak Juruukur perlu memberikan maklumat berikut kepada Lembaga untuk tujuan pemulangan:

Nama Akaun penerima:

No. Akaun penerima:

Nama Bank penerima:

(Sila lampirkan salinan penyata bank yang menunjukkan nama dan nombor akaun penerima)

Alamat & No. Telefon Penerima:

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SR ISMAIL BIN HARUN)

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia